



KENYATAAN MEDIA HARI KE-6

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELAKU PENERUS SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE

Sebagai langkah menangani penularan wabak COVID-19, Kerajaan Negeri telah memutuskan melalui mesyuarat *Sabah COVID-19 Command Centre* pada hari ini, untuk melaksanakan larangan-larangan seperti berikut:

A. TANGGUNGJAWAB PEMILIK PERNIAGAAN PERKHIDMATAN LAYAN DIRI

1. Pemilik perniagaan yang menawarkan perkhidmatan layan diri seperti bank, hotel, stesen minyak dan sebagainya adalah bertanggungjawab untuk memastikan pengguna/pelanggan masing-masing dilindungi daripada penularan wabak COVID-19.
2. Kerajaan Negeri memutuskan supaya mana-mana premis dan kemudahan yang memberi perkhidmatan layan diri kepada orang awam diarah untuk *sanitize* kemudahan seperti Mesin ATM, Lif Hotel, *Button Noozle* dan lain-lain kemudahan secara berterusan oleh pemilik dengan sendirinya bagi memastikan jangkitan virus COVID-19 dapat dibendung sepenuhnya. Arahan ini hendaklah dikuatkuasakan mulai 23 Mac 2020.

B. PUSAT KUARANTIN BAHARU

1. Untuk memastikan Pusat Kuarantin yang sedia ada dapat menampung keperluan dan mengelakkan kesesakan, Kerajaan Negeri memutuskan untukewartakan tiga (3) lokasi baharu sebagai Pusat Kuarantin Sementara COVID-19 seperti berikut:
 - (i). Masjid Jamek, Kota Belud;
 - (ii). Plasma MPOB, Lahad Datu; dan
 - (iii). Felda Resident Sahabat, Lahad Datu.

C. PENERBANGAN DOMESTIK

1. Kerajaan Negeri memutuskan untuk menghadkan penerbangan domestik ke destinasi berikut:
 - (i). Kota Kinabalu - Tawau - Kota Kinabalu
 - (ii). Kota Kinabalu - Sandakan - Kota Kinabalu
 - (iii). Kota Kinabalu - Lahad Datu - Kota Kinabalu
 - (iv). Kota Kinabalu - Sandakan – Tawau – Kota Kinabalu
2. Kerajaan Negeri juga memutuskan bahawa semua penumpang adalah diwajibkan untuk menjalani saringan kesihatan COVID-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di lapangan terbang berkenaan.

D. SEKATAN PERJALANAN DI SEMPADAN MALAYSIA / INDONESIA

Kerajaan Negeri memutuskan untuk menyekat semua perjalanan daripada:

- (i). Pulau Sebatik - Tawau - Pulau Sebatik
- (ii). Serudong - Simanggaris - Serudong
- (iii). Bantul Labang - Pagalungan - Bantul Labang

Kecuali yang menggunakan jeti-jeti yang dibenarkan untuk beroperasi oleh Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah (JPDS) dan Majlis Perbandaran Tawau (MPT) untuk maksud penghantaran barangan keperluan harian (*essential goods*) dan jumlah bot serta krew dengan jumlah yang minimum.

E. PELAJAR DAN ORANG AWAM YANG BALIK DARI LUAR NEGARA / LUAR NEGERI

Kerajaan Negeri ingin menjelaskan bahawa mana-mana pelajar atau orang awam yang balik dari luar negara atau dari luar negeri ke Negeri Sabah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan sama ada telah melalui saringan kesihatan COVID-19 atau tidak di lapangan terbang seluruh negara akan dikenakan kuarantin selama 14 hari di Pusat Kuarantin yang disediakan.

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
23 Mac 2020 | 3.00 Petang**